



17 FEB, 2024

Selamba bawa wang tunai RM170,000

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



PUN SIAN (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian wang RM100 yang berjaya ditemui JKDM di dalam beg galas warga China di KLIA, Sepang baru-baru ini.

Cubaan lelaki China seludup keluar duit gagal

Selamba bawa wang tunai RM170,000

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

PUTRAJAYA – Cubaan seorang warga China menyeludup keluar wang tunai berjumlah RM170,000 melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang berjaya dipatahkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada 27 Januari lalu.

Pengarah Operasi Penguatkuasaan JKDM Zon Tengah, Unit II (LTAKL), Wong Pun Sian berkata, pihaknya dengan kerjasama Aviation Security Malaysia telah menahan penumpang berkenaan di balai berlepas KLIA.

Lelaki berkenaan dikatakan nahu menaiki penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi Bangkok, Thailand. "Hasil pengimbasan ke atas

beg galas yang dibawa penumpang itu mendapati terdapat dagangan disyaki sejumlah wang tunai di dalam beg tersebut.

"Hasil pemeriksaan rapi menjumpai wang tunai dengan not RM100 sebanyak 1,700 helai dengan anggaran nilai keseluruhan sebanyak RM170,000," katanya di sini semalam.

Menurut Pun Sian, penumpang itu juga didapati gagal membuat pengiklanan dalam Borang Kastam No. 7 serta gagal mengemukakan permit kebenaran dari pada Bank Negara.

"Ini merupakan kes penyeludupan mata wang Ringgit Malaysia pertama bagi 2024 oleh penumpang antarabangsa ke luar negara melalui Balai Berlepas KLIA 1," ujarnya.

Tambahnya, modus operandi suspek adalah dengan membawa wang tunai secara *handcarry* di dalam beg galas tanpa membuat pengiklanan di dalam Borang Kastam No. 7 dan tidak mengemukakan permit kebenaran dari pada Bank Negara.

Menurutnya, kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 28B Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AM-LAFTPUAA 2001).

"Jika disabitkan kesalahan suspek boleh didenda tidak melebihi RM3 juta atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," ujarnya.



17 FEB, 2024

Selamba bawa wang tunai RM170,000

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

'UN SIAN (dua dari kiri) menunjukkan sebahagian wang RM100 yang berjaya ditemui JKDM di dalam beg galas

warga China di KLIA, Sepang baru-baru ini. Cubaan lelaki China seludup keluar duit gagal

?UTRAJAYA - Cubaan seorang varga China menyeludup keluar wang tunai berjumlah RM170.000 nelalui Lapangan Terbang Antaabangsa Kuala Lumpur (KLIA), iepang berjaya dipatahkan (abatan Kastam Diraja Malaysia JKDM) p a d a 27 Januari lalu.